



SOALAN LAZIM (FAQ)

KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK), KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK (BMB) BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SUSULAN PEMBUKAAN SEKOLAH DALAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

1. Adakah semua pekerja PKK, KBK dan BMB yang bertugas di sekolah perlu menerima dos vaksin COVID-19 yang lengkap?

Ya, semua pekerja PKK, KBK dan BMB yang bertugas di sekolah perlu menerima vaksin COVID-19 yang lengkap.

2. Apakah dimaksudkan dengan dos vaksin COVID-19 yang lengkap?

Dos vaksin COVID-19 yang lengkap bermaksud:

- a) penerima vaksin telah melepasi **hari ke-14 daripada tarikh suntikan dos kedua** bagi vaksin Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac; atau
- b) penerima vaksin telah melepasi **hari ke-28 daripada tarikh suntikan** bagi vaksin Johnson & Johnson dan CanSino.

3. Apakah tindakan kontraktor PKK dan KBK sekiranya terdapat pekerja yang belum menerima dos vaksin yang lengkap?

Kontraktor perlu menyediakan pekerja gantian yang telah lengkap dos vaksin COVID-19. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada, kontraktor boleh membenarkan pekerja yang sedang menunggu tempoh lengkap vaksin untuk bertugas dengan syarat-syarat berikut:

- i) hadir bertugas semasa waktu petang/malam, hujung minggu atau bila-bila waktu semasa ketiadaan murid;
- ii) memakai pelitup muka berganda dan digalakkan memakai pelindung muka; dan

SOALAN LAZIM (FAQ)

KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK), KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK (BMB) BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SUSULAN PEMBUKAAN SEKOLAH DALAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

iii) melakukan ujian COVID-19 lengkap (RT–PCR) tiga (3) hari sebelum hari pertama sesi persekolahan bersemuka bermula, dan seterusnya melakukan Ujian Kendiri COVID-19 secara berkala sebanyak dua (2) kali seminggu. Keputusan Ujian Kendiri COVID-19 perlu dilaporkan ke dalam aplikasi MySejahtera.

4. Apakah tindakan kontraktor PKK dan KBK bagi pekerja yang telah menerima dos pertama vaksin COVID-19 (jenis Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac) tetapi sedang menunggu giliran untuk dos kedua?

Kontraktor boleh membenarkan pekerja yang sedang menunggu giliran untuk dos kedua (jenis Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac) datang bertugas, jika tiada pekerja gantian dengan vaksin lengkap, dengan syarat-syarat berikut:

- i) hadir bertugas semasa waktu petang/malam, hujung minggu atau bila-bila waktu semasa ketiadaan murid;
- ii) memakai pelitup muka berganda dan digalakkan memakai pelindung muka; dan
- iii) melakukan ujian COVID-19 lengkap (RT–PCR) tiga (3) hari sebelum hari pertama sesi persekolahan bersemuka bermula, dan seterusnya melakukan Ujian Kendiri COVID-19 secara berkala sebanyak dua (2) kali seminggu. Keputusan Ujian Kendiri COVID-19 perlu dilaporkan ke dalam aplikasi MySejahtera.

5. Apakah tindakan kontraktor BMB sekiranya terdapat pekerja yang belum menerima dos vaksin yang lengkap?

Kontraktor BMB perlu menyediakan pekerja gantian yang telah lengkap dos vaksin COVID-19.

6. Apakah tanggungjawab kontraktor BMB semasa melaksanakan perkhidmatan di sekolah?

Kontraktor BMB perlu menyediakan bilangan pekerja berdasarkan bilangan murid sebenar di asrama dan memastikan pekerja yang bertugas hanya pekerja yang telah menerima vaksinasi lengkap.

SOALAN LAZIM (FAQ)

KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (PKK), KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK (BMB) BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SUSULAN PEMBUKAAN SEKOLAH DALAM PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

7. Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap pihak kontraktor jika tidak dapat membekalkan pekerja yang mencukupi?

Pemotongan/denda boleh diambil selaras dengan terma dan syarat dalam dokumen kontrak.

8. Adakah KPM memberi sebarang kelonggaran kepada pihak kontraktor?

Ya, kelonggaran diberikan kepada pihak kontraktor PKK dan KBK bagi pekerja PKK dan KBK yang belum menerima vaksin lengkap dengan mematuhi syarat di perkara 3 atau bagi pekerja PKK dan KBK yang sedang menunggu giliran untuk dos kedua (jenis Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac) dengan mematuhi syarat di perkara 4. Kelonggaran ini diberikan hanya sehingga 31 Oktober 2021 dan semua pekerja yang bertugas di sekolah wajib mendapat vaksin lengkap bermula 1 November 2021.

- TAMAT-